

22 OCT 1998

Parlimen-Polis

POLIS AKAN JALANKAN SIASATAN TERHADAP PENYOKONG ANWAR

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Polis akan menjalankan siasatan terhadap beberapa penyokong kuat bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang bertindak ke luar negeri dan merosakkan imej negara dengan memburuk-buruk kerajaan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Ong Ka Ting berkata apa yang dilakukan mereka adalah serius dan mereka bukan sahaja melibatkan diri dalam perancangan gerakan demonstrasi malah merosakkan imej negara di luar negeri.

"Polis akan menjalankan siasatan terhadap mereka mengikut lunas undang-undang yang sedia ada apabila mereka balik ke tanah air," katanya semasa menjawab soalan tambahan Wan Hanafiah Wan Mat Saman (BN-Pokok Sena) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Wan Hanafiah ingin tahu sama ada polis akan bertindak menahan penyokong kuat Anwar seperti bekas Ketua Pemuda Umno Pulau Pinang Dr Abdul Rahim Ghouse dan bekas Setiausaha Pergerakan Pemuda Umno Saifudin Nasution Ismail kerana tindakan mereka memburuk-burukkan Malaysia di luar negara.

Terdahulu, semasa menjawab soalan asal Lim Hock Seng (DAP-Bagan), Ong berkata polis akan terus bertindak terhadap sesiapa sahaja yang merancang untuk melibatkan diri dalam sebarang perhimpunan haram yang menggugat keselamatan negara.

Katanya semua pihak mestilah menghormati dan mematuhi undang-undang supaya keselamatan dan ketenteraman awam sentiasa terjamin.

Ong berkata selepas pemecatan Anwar daripada Kabinet 2 Sept lepas sehingga kini terdapat 16 demonstrasi secara haram diadakan bertujuan menyokong gerakan reformasi yang dilaung-laungkan bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan itu.

Katanya seramai 262 orang telah ditahan di bawah Seksyen 27(8) Akta Polis 1967 dan telah dibebaskan dengan ikat jamin sementara menunggu perbicaraan.

Seramai 19 orang pula telah ditahan di bawah Seksyen 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Lima belas orang termasuk Anwar telah dibebaskan tanpa syarat.

Ketika menjawab soalan tambahan Lim yang ingin tahu sama ada kerajaan akan mengizinkan demonstrasi dilakukan secara aman di negara ini, Ong berkata kerajaan hanya menimbangkan sesuatu perhimpunan untuk satu tujuan yang baik kepada negara dan masyarakat.

Katanya jika ada perhimpunan yang benar-benar perlu, permohonan perlu dibuat terlebih dahulu.

Menurut Ong, polis adalah pihak yang menjalankan tanggungjawabnya dengan profesional dan tahu mengkaji sama ada sesuatu perhimpunan itu berfaedah atau menggugat keselamatan serta ketenteraman awam.

"Biasanya apa yang berlaku ialah pihak-pihak yang hendak melakukan demonstrasi atau perhimpunan memberi jaminan ia akan berlaku secara aman tetapi apabila timbul insiden yang tidak disangka, ia menjadi rusuhan," katanya.

Beliau berkata demonstrasi bukanlah cara yang sesuai kerana pihak pembangkang boleh mengemukakan pendapat dan hujah mereka secara lantang di Dewan Rakyat.

Ketika menjawab soalan tambahan Lim Kit Siang (DAP-Tanjung) mengenai kajian terhadap ISA dan tindakan ekoran dakwaan kecederaan Anwar semasa dalam tahanan, Ong berkata kerajaan masih meneruskan kajian terhadap ISA.

"Kajian semula ISA memang pernah dibangkit dan kerajaan sedang mengkaji ISA. Pada masa akta itu dikaji, negara berada dalam keadaan begitu stabil malah ekonomi juga bagus. Sekarang keadaan macam ini tetapi kerajaan tidak tukar pendirian untuk teruskan kajian.

"Ia bukan dalam bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN) tetapi juga agensi lain terlibat. Mereka sedang secara bersepadu teruskan kajian," katanya.

Ong juga berkata seperti mana yang telah dinyatakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Dalam Negeri bahawa siasatan masih dijalankan mengenai bagaimana Anwar mengalami kecederaan semasa dalam tahanan polis.

"Perdana Menteri sudah menjawab perkara itu dan memberi jaminan siasatan yang tidak akan melindungi sesiapa sedang dijalankan dan tindakan yang adil akan diambil mengikut undang-undang," katanya.

Ong turut memberi jaminan bahawa ISA tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya dan polis hanya mempunyai 60 hari yang pertama dalam ISA dan kemudian KDN akan tapis serta mengkaji alasan-alasan tahanan bagi Menteri Dalam Negeri membuat keputusan selanjutnya.

-- BERNAMA

HS NMO